



PNB
Permodalan Nasional Berhad



BANK ISLAM

REC

HD

4K

25FPS




99%

Pertandingan

MEREKACIPTA

VIDEO ANIMASI



KEFAHAMAN ISLAM

UNTUK PENUNTUT INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT)

ANJURAN

INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)

Tarikh tutup penyertaan

7 Jun 2022

Hadiah Pertama : RM 15,000

Beserta Sijil Penyertaan dan Trofi

Hadiah Kedua: RM 10,000

Beserta Sijil Penyertaan dan Trofi

Hadiah Ketiga: RM 5,000

Beserta Sijil Penyertaan dan Trofi

*5 hadiah saguhati yang bernilai
RM1,000 setiap satu beserta
Sijil Penyertaan*



Sila daftar di sini

Syarat Khusus Penyertaan

- ◆ Durasi video animasi 3D ini ialah 5 minit atau 300 saat sahaja
- ◆ Video animasi ini hendaklah menggunakan format *.mov dan *.mp4 dengan resolusi berdefinisi tinggi; 1920x1080 (Full HD)
- ◆ Penyertaan terbuka kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda dan ke atas.

UNIT PROGRAM & LATIHAN

03 - 6204 6323/ 320/ 012-4219880 (Nurul) / 019-3334253 (Zawiah)

03 - 6204 6201 sekretariat@ikim.gov.my

Pengenalan

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan sukacitanya mengumumkan penganjuran Pertandingan Merekacipta Video Animasi Kefahaman Islam Untuk Penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT). Para penuntut Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang berminat adalah dipelawa untuk menghantarkan karya mereka mengikut tema serta syarat-syarat yang telahpun ditetapkan.

Objektif

Pertandingan ini bertujuan untuk:

- Menggalakkan penghasilan video animasi kefahaman Islam bagi membina minda Islami dalam kalangan masyarakat;
- Menggalakkan penghasilan video animasi yang dapat mendidik dan menanamkan nilai-nilai sejagat kepada khalayak;
- Menambahkan koleksi video animasi seumpama ini untuk tatapan khalayak; dan,
- Mencungkil potensi video animasi sebagai medium untuk memberi kefahaman Islam kepada masyarakat Malaysia khususnya, dan masyarakat global, amnya.

Syarat- syarat Umum

- (i) Pertandingan ini terbuka kepada semua penuntut Ijazah Sarjana Muda dan ke atas di IPTA dan IPTS di Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama;
- (ii) Penyertaan terbuka secara individu atau berkumpulan;
- (iii) Bagi yang menyertai secara berkumpulan, jumlah maksimum ahli kumpulan mestilah empat orang termasuk Ketua Kumpulan. Penyertaan ahli bukan Islam dalam kumpulan tersebut amatlah digalakkan;
- (iv) Setiap peserta atau kumpulan hanya layak menghantar satu (1) video animasi sahaja;
- (v) Karya hendaklah dihasilkan dalam Bahasa Malaysia;
- (vi) Karya yang dihasilkan untuk pertandingan ini mestilah karya asli, bukan terjemahan, saduran atau penyesuaian daripada video animasi lain, belum pernah diterbitkan atau apa sahaja pengertian yang boleh menyebabkan karya tersebut bukan merupakan karya asli. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya karya yang dikemukakan tidak asli atau diplagiat;
- (vii) Video animasi yang dikemukakan mestilah yang dicipta khusus untuk pertandingan ini dan tidak pernah menyertai mana-mana pertandingan, sama ada diperingkat kebangsaan, mahupun antarabangsa;
- (viii) Video animasi yang dipertandingkan tidak boleh digunakan untuk tujuan penyiaran lain sebelum keputusan peraduan diumumkan;
- (ix) Karya hendaklah dalam keadaan bersih. Hanya judul sahaja diletakkan di dalam video animasi tersebut. Nama atau nama samaran atau apa-apa jua nama yang boleh dikaitkan dengan nama pencipta video animasi itu dan IPT yang diwakilinya tidak boleh tertera pada video tersebut;
- (x) Tidak dibenarkan menyentuh sensitiviti kaum, agama serta fahaman politik dalam pembikinan video animasi ini;
- (xi) Peserta yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di atas akan dibatalkan penyertaannya;
- (xii) Pihak penganjur tidak bertanggungjawab untuk menanggung sebarang kos atau kerugian yang ditanggung oleh peserta
- (xiii) Setiap penyertaan hendaklah menggunakan borang rasmi yang boleh didapati di laman web IKIM: www.ikim.gov.my

Syarat- syarat Umum

- (xiv) Pegawai dan kakitangan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) serta ahli keluarga terdekat mereka, tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini;
- (xv) Penyertaan hendaklah die-melkan kepada: sekretariat@ikim.gov.my
- (xvi) Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Puan Hajah Siti Fatimah Abdul Rahman (E-mel: siti@ikim.gov.my atau Tel: 03-62046226);
- (xvii) Tempoh pertandingan adalah tiga (3) bulan. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 7 Jun 2022. Keputusan peraduan akan diumumkan pada Oktober 2022;
- (xviii) Setiap penyertaan akan melalui saringan Jawatankuasa Teknikal yang akan memastikan segala syarat yang ditetapkan dipatuhi. Jawatankuasa Teknikal boleh membatalkan penyertaan yang tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan;
- (xix) Penyertaan yang melepasi saringan Jawatankuasa Teknikal akan disenaraipendekkan oleh Jawatankuasa Penilai Dalaman. Jawatankuasa Penilai Dalaman ini akan menyenaraipendekkan 30 penyertaan untuk masuk ke Pusingan Akhir;
- (xx) Penyertaan yang disenaraipendekkan akan dihakimi oleh Panel Penilai yang dilantik oleh IKIM dan keputusan Panel Penilai adalah *muktamad*. Sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan;
- (xxi) Pemenang akan dihubungi melalui telefon dan e-mel; dan,
- (xxii) Lapan (8) karya yang menang akan menjadi hakmilik IKIM dan IKIM berhak untuk menerbit, mengeluarkan, memapar, mengedar, menyunting dan menayangkan pada skrin karya tersebut baik di laman web, pameran, mana-mana media yang lain atau media sosial untuk apa-apa tujuan yang wajar serta pada kekerapan yang difikirkan patut. IKIM akan memberi kredit kepada pengkarya yang video animasinya ditayangkan.

Tema

Karya hendaklah dipilih daripada tema-tema di bawah. Terasnya hendaklah berasaskan falsafah, pemikiran, impian, inspirasi, perjuangan dan nilai-nilai kehidupan masyarakat Malaysia:

- ◆ Kewajipan solat dan larangan meninggalkan solat
- ◆ Belajar dan menuntut ilmu
- ◆ Bersyukur
- ◆ Menjaga masa
- ◆ Hormat ibu bapa
- ◆ Amanah
- ◆ Berkata benar
- ◆ Adil
- ◆ Ihsan
- ◆ Rajin
- ◆ Berjimat cermat
- ◆ Kebersihan alam sekitar
- ◆ Nilai-nilai kekeluargaan yang baik

**BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN MEREKACIPTA VIDEO ANIMASI KEFAHAMAN ISLAM
UNTUK PENUNTUT INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT)
ANJURAN INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)**

MAKLUMAT PESERTA / INSTITUSI

Nama Institusi :	_____	Nama Ketua :	_____
Alamat Institusi :	_____	Nombor Matrik :	_____
	_____	No. Kad Pengenalan :	_____
Pengesahan Institusi		Emel :	_____
Nama Pegawai :	_____	Nombor Telefon :	_____
(Cop dan T/tangan)	_____		

NAMA PESERTA

NO. MATRIK

NO.KAD PENGENALAN

EMEL /NO.TELEFON

1) _____	_____	_____	_____
2) _____	_____	_____	_____
3) _____	_____	_____	_____

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Puan Hajah Siti Fatimah Abdul Rahman (E-mel: siti@ikim.gov.my atau Tel: 03-62046226);
Tempoh pertandingan adalah tiga (3) bulan.

**URUSETIA PROGRAM DAN LATIHAN
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)**
No. 2, Langgak Tunku,
Off Jalan Tuanku Abdul Halim (Jalan Duta)
50480 Kuala Lumpur
Tel: 03-6204 6323/325
Faks: 03-6204 6240

**TARIKH TUTUP
PERTANDINGAN**

7 JUN 2022

Sila Emel Video Rakaman tersebut ke
sekretariat@ikim.gov.my